

**Ahli Ekonomi Setuju Dengan Langkah Liberalisasi Pasaran Kewangan Bank Negara  
Bernama  
30 Januari, 2012**

KUALA LUMPUR, 30 Jan (Bernama) -- Ahli-ahli ekonomi negara mengalu-alukan usaha Bank Negara Malaysia memperkenalkan tiga langkah meliberalisasikan pasaran kewangan Isnin.

Mereka berkata yang langkah-langkah itu antaranya akan menjadi pelopor untuk mengantarabangsakan ringgit, memperbaiki kawalan risiko dan meningkatkan Malaysia sebagai destinasi pelaburan.

Ketua ekonomi Malaysian Rating Corporation Bhd (MARC), Nor Zahidi Alias berkata langkah-langkah baharu itu akan meningkatkan pilihan untuk lindung nilai tukaran asing korporat terhadap risiko kawalan pendedahan tukaran asing terutamanya dengan meningkatnya kemudahruapan dalam pasaran tukaran asing.

Ia juga akan melonjakkan Malaysia sebagai destinasi pelaburan portfolio untuk pelaburan asing yang kerap meninjau produk inovatif dan langkah-langkah liberalisasi dalam pasaran kewangan, kata beliau.

"Ia berpotensi untuk memperbaiki opsyen/pilihan untuk pengurusan kekayaan domestik dan meningkatkan pendapatan yuran perbankan domestik menerusi produk inovatif dan mengukuhkan kedudukan bank-bank domestik dalam pasaran serantau," kata beliau kepada Bernama hari ini.

Nor Zahidi berkata kemudahruapan tukaran asing telah menjadi ciri penting pasaran kewangan pada waktu-waktu terutamanya selepas Kemelesetan Besar dan dalam kebangkitan krisis hutang Eropah.

Sehubungan itu, beliau berkata adalah imperatif untuk peserta pasaran dan perniagaan secara amnya untuk mempunyai kawalan tertentu terhadap risiko yang berkaitan dengan pergerakan kadar tukaran.

Bagaimanapun, beliau berkata sekiranya produk-produk ini diperkenalkan di peringkat runcit, pengetahuan yang mencukupi diperlukan agar risiko berkaitan dengan produk ini, difahami oleh para pengguna.

Ketua ekonomi Bank Islam, Azrul Azwar Ahmad Tajudin berkata langkah-langkah Bank Negara ini berada di hala tuju yang betul dengan bank pusat berhasrat melonggarkan lagi sektor kewangan negara.

"Langkah-langkah ini adalah lebih ke arah meliberalkan dan memajukan pasaran tukaran asing, pasaran wang dan pasaran hutang.

"Mereka di Malaysia boleh mengurus niaga dalam tukaran asing. Ini adalah langkah yang amat positif ke arah matlamat itu. Ia juga akan menjadi pelopor untuk mengantarabangsakan ringgit," tambah beliau.

Azrul berkata langkah-langkah ini akan turut menawarkan bank-bank tempatan dengan

lebih peluang untuk mengembangkan produk dan perkhidmatan mereka kepada pengguna, sekali gus mempelbagaikan sumber pendapatan masing-masing dan membawa mereka satu langkah yang lebih rapat untuk setanding dengan bank-bank global lain.

Sementara itu, ahli ekonomi RAM Holdings Bhd, Jason Fong berkata langkah-langkah baharu itu akan menambahkan mudah tunai dalam pasaran kewangan domestik menerusi interaksi yang lebih mudah antara peserta asing dan tempatan.

"Mudah tunai tambahan ini, selain daripada membolehkan Malaysia lebih menonjol sebagai sebuah sektor kewangan, dapat juga mengurangkan kemungkinan salah penetapan harga aset dan membolehkan lebih banyak urus niaga bermaklumat di dalam sistem, terutamanya yang berkaitan dengan pasaran derivatif semasa," tambah beliau.

Peraturan baharu ini turut menggalakkan fleksibiliti pasaran kewangan yang lebih hebat dalam memenuhi profil pelabur yang berlainan.

--BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=643040>